

# BN perlukekalkan momentum untuk mendapat kembali majoriti dua pertiga

KUALA LUMPUR 6 Mac - Sekiranya Barisan Nasional (BN) berjaya mengekalkan momentum kelebihan yang dimilikinya kini sehingga Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) akan datang, maka tidak mustahil bagi perikatan itu untuk mengembalikan majoriti dua pertiga yang terlepas pada 2008.

Pensyarah Geo-Politik, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Prof. Madya Dr. Mohd. Fuad Mat Jali** berkata, ini berikutan keberkesanan program transformasi yang dilakukan kepimpinan BN selama ini di samping kegoyahan pembangkang di negeri tadbiran mereka.

Katanya, sebuah kaji selidik yang dilakukan fakultinya dua tahun lalu di Selangor menunjukkan 65 pe-

ratus rakyat negeri tersebut menolak kepimpinan Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang mereka lihat lemah daripada segi integriti pentadbiran serta gagal membela Islam, Melayu dan Raja (IMR).

"Itu kaji selidik yang dilakukan dua tahun lalu. Jika ia dilakukan sekarang, nescaya peratusannya akan bertambah tinggi selepas berlakunya pelbagai peristiwa seperti pemecatan bekas Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Dr. Hasan Ali serta isu penyelewengan pasir.

"Di Kedah pula, berlaku peristiwa seperti yang melibatkan Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak kini sementara di beberapa negeri lain yang memperlihatkan penindasan kerajaan pembangkang kepada masyarakat Melayu.

"Ini ditambah pula dengan pakatan yang tidak sehaluan antara Pas, PKR dan DAP yang sememangnya terbukti tidak sebulu dalam isu melibatkan IMR meskipun ia adalah perkara sangat sensitif bukan sahaja dalam kalangan orang Melayu malah rakyat negara ini secara keseluruhannya," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pandangan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dalam *Mingguan Malaysia* kelmarin yang menyatakan UMNO serta BN mempunyai kelebihan berbanding pembangkang pada pilihan raya umum akan datang.

Mohd. Fuad menambah, kini tanggungjawab jentera BN adalah untuk mengekalkan serta menggan-

dakan kelebihan yang mereka miliki kini termasuk mengelakkan sebarang isu kontroversi yang dapat mengikis kelebihan tersebut.

"Kepimpinan BN juga perlu memastikan masalah berbangkit seperti isu penjawat awam termasuk Saran Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) dan masalah-masalah lain diselesaikan secara efisien sebelum PRU-13 kerana impaknya kepada undi mereka adalah tinggi," kata beliau.

Sementara itu, Ketua Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr. Sarjit Singh Gill** pula berkata, meskipun memiliki kelebihan tersebut, BN bagaimanapun perlu memastikan setiap jentera terutama di luar

bandar berperanan dalam menengangkan inisiatif kerajaan dalam membangunkan negara.

Kata beliau, ini kerana, melalui pengamatannya, masyarakat di luar bandar masih kurang terdedah dengan pengetahuan terhadap transformasi yang dilakukan BN di samping pemikiran mereka dimomok-momokan oleh pembangkang.

"Segala transformasi termasuk Enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) dan gagasan 1Malaysia perlu sampai kepada jiwa rakyat. Jangan pula seperti *touch and go* iaitu keluar masuk telinga kanan keluar telinga kiri.

"Sekiranya, rakyat sedar akan usaha kerajaan ini maka tidak mustahil BN dapat menang besar pada pilihan raya kali ini," ujarnya.